

Jakmas UMS sertai program Lead: Bluewave

UB 9.10.2014 AG

KOTA KINABALU: Program kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program Lead: Bluewave Zon Sabah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama UMS telah diadakan pada 5-7 Disember lalu di Beringgis Beach Resort, Kinarut.

Program yang disertai seramai 70 kepimpinan mahasiswa dari setiap kolej kediaman itu bertujuan memberi pendedahan mengenai isu-isu semasa terutamanya bahaya dan perlunya alamsiber (fakta dan persepsi) diberi pendedahan kepada mahasiswa. Di antara pengisiannya juga

adalah mengenalpasti isu dan cabaran negara dan perlembagaan persekutuan (Forum Terbuka).

Antara penceramah yang hadir pada program itu ialah Pegawai Undang-undang dari Universiti Malaysia Kelantan Prof Datuk Abd Halim Sidek, Timbalan Naib Canselor HEPA dari Universiti Sains Malaysia Prof Dr Adnan Hussein dan Timbalan Naib Canselor HEPA dari Universiti Putra Malaysia Prof Dato Dr Mohammad Shatar Sabran. Turut hadir dari Kementerian Pendidikan Malaysia ialah Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa Enson Din dan Abd Hamid Ghazali

dari Pejabat Tenaga Kerja Kuantan.

Menurut Timbalan Naib Canselor HEPA, UMS Prof Madya Dr Ismail Ali, program itu merupakan program 'Tour' yang ditakwimkan khas kepada IPTA dan UMS, yang kedua terakhir dalam pelaksanaan program berkenaan.

"Saya berharap agar Jakmas yang terpilih dapat memanfaatkan sepenuhnya sepanjang program terlaksana selama tiga hari dan memberikan komitmen serta tanggungjawab kepada mahasiswa-mahasiswa di kampus nanti.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengucapkan penghargaan



SEBAHAGIAN peserta bergambar kenangan sempena program itu.



ANTARA pengisian program.

dan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Timbalan-Timbalan Naib Canselor HEPA IPTA, Jabatan Hal Ehwal pelajar dan Alumni, UMS dan semua yang banyak bekerjasama dalam penglibatan program itu.

PARA peserta sedang mendengar ceramah dalam program itu.

